



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### **PEMAKLUMAN TALIAN KASIH 15999 SEBAGAI TALIAN BEBAS TOL (TOLL-FREE)**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini memaklumkan Talian Kasih 15999 sebagai Talian Bebas Tol (*toll-free*). Talian Kasih 15999 kini dikategorikan sebagai salah satu nombor di bawah MERS 999 bagi membolehkan semua panggilan yang dibuat ke talian ini tidak dikenakan caj (*toll-free*).

Semua pemanggil yang menggunakan perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan oleh syarikat-syarikat berikut tidak akan dikenakan caj panggilan kepada pelanggan yang membuat panggilan ke Talian Kasih 15999:

- i. Digi Telecommunications Sdn Bhd
- ii. Celcom Axiata Berhad
- iii. Telekom Malaysia Berhad
- iv. TIME dotcom Berhad
- v. U Mobile Sdn Bhd
- vi. YTL Communications Sdn Bhd
- vii. Maxis Berhad
- viii. Webe Digital Sdn. Bhd

Talian Kasih 15999 beroperasi selama 24 jam setiap hari bagi membantu mereka yang menghadapi pelbagai masalah berkaitan kebajikan, talian kanak-kanak, kaunseling, penderaan, pembuangan bayi, masalah sosial dalam kalangan remaja, perkhidmatan kesihatan reproduktif dan perlindungan kepada mereka yang memerlukan. KPWKM mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua syarikat telekomunikasi di atas kerjasama yang diberikan ini.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
PUTRAJAYA  
19 FEBRUARI 2020**